



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : MPU2313
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (75 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Ruang lingkup ihsan melibatkan hubungan manusia dengan
 - i. alam.
 - ii. Allah.
 - iii. binatang.
 - iv. madaniyah.

A i, ii
B i, iii
C ii,iv
D i,ii,iii
2. Maksud Tauhid *Rububiyah* ialah mempercayai
 - A Allah dengan melakukan ibadat.
 - B Allah melalui nama-nama dan sifat-sifatNya.
 - C kewujudan Allah sebagai pencipta dan penguasa.
 - D dengan melakukan ihsan sesama makhluk ciptaan-Nya.
3. Hakikat ihsan ialah segala perbuatan baik yang diterima sejagat, kemuncak ihsan ialah
 - A mendekatkan diri kepada manusia dan Allah SWT.
 - B sejajar dengan pepatah berbuat baik berpada-pada.
 - C mendekatkan diri kepada Allah dengan melihat Allah SWT.
 - D mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan merasai kehadiran-Nya.
4. Apakah sistem yang menjamin hak individu dan masyarakat di samping memelihara kesejahteraan dan keamanan sesebuah masyarakat?
 - A Ibadat.
 - B Jinayat.
 - C Muamalat.
 - D Munakahat.

5. Antara berikut, yang manakah kesan kepada manusia yang beriman dan percaya kepada malaikat?
- A Berasa gembira kerana malaikat akan sentiasa mendampingiinya.
 - B Terhindar daripada perkara buruk kerana malaikat akan sentiasa menjaganya.
 - C Sentiasa berada dalam kebimbangan kerana malaikat sentiasa memerhatikan gerak-gerinya.
 - D Sentiasa berhati-hati dalam menjalani kehidupan kerana dia percaya malaikat akan mencatat dosa sekiranya dia melakukan maksiat.
6. Manakah antara kenyataan berikut merupakan tujuan hukum syariat diturunkan?
- i. Menjamin kehormatan dan maruah diri.
 - ii. Menjamin hak dan kepentingan diri sendiri.
 - iii. Menjamin kemurnian fikiran dan kewarasan akal.
 - iv. Menjamin manusia untuk melakukan dosa dan maksiat.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii
7. Islam, iman dan ihsan merupakan tiga asas utama dalam menjalani peranan kehidupan seorang muslim. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan hubungan ketiga-tiganya ialah
- A yakin, percaya dan patuh kepada Allah SWT.
 - B percaya akan kekuasaan Allah SWT serta ikhlas dengan-Nya.
 - C melakukan apa-apa yang diperintahkan serta menjauhi segala larangan-Nya.
 - D keyakinan, percaya dan melaksanakan perintah-Nya dengan penuh kepatuhan serta keikhlasan.
8. Zakat bertujuan untuk menyuburkan
- A harta.
 - B ihsan dan iman.
 - C akhlak dan harta.
 - D iman dan akhlak.

9. Munakahat ialah suatu peraturan atau hukum yang berkaitan dengan hal ehwal perkahwinan dan kekeluargaan seperti
- A kesederhanaan.
 - B syarat-syarat saksi.
 - C berbuat baik terhadap semua makhluk.
 - D perihal perbuatan atau tindakan yang ditegah oleh syarak.
10. Manakah antara kenyataan berikut adalah benar?
- A Perselisihan suami isteri lebih baik diakhiri dengan perpisahan.
 - B Suami hendaklah memberi nafkah mengikut semua kehendak isteri.
 - C Dalam sebuah rumah tangga semua tanggungjawab dipikul oleh suami.
 - D Nafkah zahir meliputi penyediaan tempat tinggal, makanan dan pakaian.
11. Antara berikut institusi manakah memainkan peranan dalam pemerintahan Islam?
- i. Madrasah.
 - ii. Jawatankuasa Syura.
 - iii. Jawatankuasa Siasah.
 - iv. Jawatankuasa Hisbah.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii
12. Islam memerintahkan supaya umatnya memelihara kerukunan hidup berjiran dengan cara memelihara hak jiran. Antara hak yang dianjurkan ialah
- A mengotori halaman rumah jiran.
 - B tidak bertegur sapa dengan jiran.
 - C menunjukkan kemewahan kepada jiran.
 - D memelihara lisan daripada menyakiti jiran.

13. Perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat majmuk boleh dicapai dengan
- A saling menziarahi apabila sakit.
 - B menghormati perbezaan antara kaum.
 - C menghadiri rumah terbuka pada musim perayaan.
 - D mempertahankan adat dan budaya masing-masing.
14. Kewujudan masyarakat majmuk ialah suatu rahmat buat umat manusia. Walau bagaimanapun, Islam mempunyai prinsip tersendiri dalam menguruskan kemajmukan antaranya dengan
- i. Menegakkan perkara batil.
 - ii. Bekerjasama dalam kebaikan.
 - iii. Mengancam kebebasan manusia.
 - iv. Mengiktiraf persamaan dan perbezaan antara manusia.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii
15. Ibu bapa hendaklah memberikan kasih sayang secara adil terhadap anak-anak. Bukti keadilan kasih sayang adalah dengan tidak
- A membezakan hukuman antara anak.
 - B membezakan pemberian barang kepada semua anak.
 - C melebihkan seorang anak daripada anak yang lain dari aspek perhatian.
 - D melebihkan seorang anak daripada anak yang lain dari aspek pendidikan.
16. Berikut merupakan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa yang telah berusia kecuali
- A menyantuni mereka dengan lemah-lembut.
 - B menemani mereka menghadiri janji temu rawatan.
 - C memastikan keselamatan dan keamanan bagi mereka.
 - D menghantar mereka ke rumah kebajikan orang-orang tua.

17. Yang berikut ialah faktor yang menyebabkan berlakunya ekstremisme dalam beragama kecuali
- A fanatik.
 - B anti-Barat.
 - C pengaruh luar.
 - D sikap taasub beragama.
18. Apakah pandangan Islam terhadap isu teknologi genetik seperti ibu tumpang?
- A Merosakkan manusia.
 - B Memperbanyak zuriat.
 - C Merumitkan isu kekeluargaan.
 - D Membantu pasangan yang tidak mempunyai anak.
19. Berikut ialah punca berlakunya salah faham terhadap Islam kecuali
- A terpengaruh dengan fahaman barat.
 - B penularan sistem pendidikan sekular.
 - C penyelewengan terhadap ajaran Islam.
 - D umat Islam istiqamah dengan amalan Islam.
20. Cara hidup sosial yang bebas lepas daripada pegangan agama seperti hedonistik, pornografi dan kebebasan tanpa batas lahir daripada fahaman
- A pluralisme.
 - B liberalisme.
 - C hedonisme.
 - D sekularisme.
21. Antara berikut yang manakah benar tentang panduan Islam berkenaan sains, teknologi dan TMK?
- A Bersifat inovatif dan kreatif.
 - B Kemajuan dipimpin oleh akal.
 - C Mengutamakan nilai pembangunan.
 - D Tiada pembunuhan dan penganiayaan.

22. Islam meletakkan pembangunan sains, teknologi dan TMK sebagai
- A tidak perlu.
 - B amat kritikal.
 - C kurang penting.
 - D bersifat sampingan.
23. Dasar pembangunan Islam didasari oleh dua prinsip berikut, iaitu
- A kesihatan dan modenisasi.
 - B pembangunan fizikal dan rohani.
 - C perindustrian dan pembangunan fizikal.
 - D kemakmuran dan pembangunan pendidikan.
24. Berikut ialah penjagaan alam sekitar secara maqasid syariah menurut Islam kecuali
- A harta yang dimiliki akan mengorbankan alam semula jadi.
 - B menguruskan alam dengan baik sebagai manifestasi keimanan.
 - C pencemaran dan kerosakan melindungi kesulitan dan kesukaran.
 - D melakukan penyelidikan untuk memberikan manfaat kepada manusia.
25. Manakah antara berikut merupakan bentuk salah faham semasa terhadap Islam pada masa kini?
- A Tourisme.
 - B Feminisme.
 - C Modenisme.
 - D Ekstremisme.

[25 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Islam dan iman diibaratkan seperti hubungan antara sebatang pokok dengan akarnya, sebagaimana pokok kayu yang tidak dapat tumbuh tanpa akarnya.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Jelaskan **tiga (3)** kesan jika seseorang itu beriman kepada Allah.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** peranan akhlak dalam kehidupan manusia.

(9 markah)

SOALAN 2

Jenayah dalam Islam bukan sekadar pelanggaran terhadap undang-undang yang telah dikanunkan malah skopnya meliputi pelanggaran terhadap hukum yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Jelaskan **tiga (3)** jenis hukuman jenayah dalam Islam.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** kepentingan hukuman jenayah dalam Islam.

(9 markah)

SOALAN 3

Segala amalan ekonomi mestilah merujuk sistem nilai yang ditentukan oleh syariat Allah SWT dari segi halal, haram, wajib, sunat, harus dan makruh.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Jelaskan **tiga (3)** ciri ekonomi Islam.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** kepentingan pensyariatan membayar zakat dalam kehidupan muslim.

(9 markah)

SOALAN 4

Pemahaman tentang sains, teknologi serta teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) merupakan sebahagian daripada cabang ilmu yang sangat penting dalam kehidupan manusia pada zaman sekarang.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Jelaskan **tiga (3)** panduan Islam dalam sains, teknologi dan TMK.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** cara mengatasi masalah penyelewengan sains, teknologi dan TMK dalam kehidupan manusia.

(9 markah)

SOALAN 5

Masalah gejala sosial di Malaysia tidak boleh dipandang sepi. Hari demi hari, gejala ini semakin serius merebak, malah sudah tidak asing lagi dalam dunia pendidikan.

Berdasarkan pernyataan di atas,

a. Jelaskan **tiga (3)** jenis gejala sosial yang sering dilakukan dalam kalangan remaja pada masa kini.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** punca berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja.

(9 markah)

[75 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT